

Pengajian mesti kelas dunia

Pengiktirafan kerajaan asing galak lebih ramai pelajar luar ke IPT tempatan

Oleh Syuhada Choo Abdullah

KEMENTERIAN Pengajian Tinggi akan mempergiatkan usaha perbincangan antara kerajaan dengan kerajaan ke arah menentukan program pengajian di Malaysia mendapat pengiktirafan negara lain.

Timbalan Menterinya, Datuk Ong Tee Keat, berkata usaha itu perlu bagi menarik kemasukan pelajar asing selaras agenda pengantarabangsaan pendidikan tinggi negara.

Katanya, pelajar asing memang memberi penekanan utama terhadap aspek pengiktirafan kerajaan masing-masing dalam membuat pilihan melanjutkan pelajaran ke luar negara.

Justeru, beliau berkata, pendekatan menangani perkara itu turut menjadi antara hala tuju sedang di-

terokai serta dihalusi kementerian, termasuk mengkaji kemungkinan merangkumkannya di bawah Agensi Kelayakan Malaysia (MQA) yang akan ditubuhkan tidak lama lagi.

"Memanglah ada program pengajian kita yang diiktiraf di sesetengah negara, ada yang tidak, dan ada juga yang diiktiraf dengan syarat tertentu.

"Apabila menyentuh soal pengantarabangsaan, bukan terhad kepada pengambilan pelajar asing semata-mata tetapi tumpuan juga perlu diberi kepada aspek pengiktirafan kerajaan negara lain terhadap program pengajian kita," katanya pada sidang akhbar selepas majlis penyampaian Anugerah Biasiswa Japan Airlines (JAL) 2006 di Kuala Lumpur, semalam.

Hadir sama Naib Presiden dan Pengurus Serantau JAL, Michitaka Ku-

jime, serta Daisuke Yamamoto yang mewakili Duta Jepun ke Malaysia, Tadashi Imai.

Ong berkata demikian ketika diminta mengulas laporan akhbar semalam yang memetik Menteri Pelancongan, Datuk Seri Tengku Adnan Tengku Mansor, sebagai berkata masalah pengiktirafan Kerajaan Iran terhadap kursus Malaysia, menghalang lebih ramai pelajar negara itu melanjutkan pelajaran ke sini.

Sementara itu, Ong menasihati pelajar yang melanjutkan pelajaran ke seberang laut supaya mengambil kesempatan berinteraksi dan menghayati sosiobudaya masyarakat tempatan, selain berusaha menguasai bahasa negara terbabit.

Katanya, beliau mendapati ada segelintir pelajar Malaysia di luar negara bersikap pasif dan jarang berinteraksi secara berkesan dengan



masyarakat tempatan, antara lain kerana memfokus terhadap pengajian semata-mata.

"Dalam konteks ini, penghayatan sosiobudaya rakyat di negara itu penting kerana ia akan membolehkan pelajar kita memperluaskan takuk minda mereka, di samping menjalinkan tali persaudaraan erat sesama masyarakat serantau.

"Apabila melanjutkan pelajaran ke luar negara, pelajar bukan saja perlu memanfaatkan peluang mempelajari serta menguasai bahasa negara itu, malah juga memahami dan menghayati sosiobudaya masyarakatnya.

"Perkara ini bukanlah suatu yang dapat dilakukan dalam sekelip mata, sebaliknya memerlukan usaha berterusan. Jika pelajar kita hanya mengongkong skop pergaulan sudah tentu ini membelenggu peluang berinteraksi," katanya.